

# Forum antarabangsa terima idea Malaysia

UM 23 OCT 2001

Daripada ZAHARUDDIN MOHD. ALI

**Q**INGDAO, China 22 Okt. — Idea Malaysia berhubung isu-isu ekonomi dan kewangan dunia tidak lagi mendapat tentangan yang kuat di forum-forum antarabangsa, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Tentangan terhadap apa yang pernah beliau cadangkan berhubung isu-isu tersebut sebelum ini, kata Perdana Menteri, tidak lagi disanggah malah mula dibincangkan di peringkat antarabangsa.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika ditanya sama ada beliau berasa namanya 'sudah dibersihkan' memandangkan ideanya berhubung isu ekonomi dan kewangan yang dahulunya tidak dipersoalkan tetapi kini mula dibincangkan di peringkat antarabangsa.

"Tidak perlu berasa nama sudah dibersihkan. Apa yang penting adalah perkara yang betul telah

dilakukan," katanya dalam sidang akhbar selepas melakukan lawatan kerja sehari ke sini hari ini.

Beliau memberi contoh, langkah untuk memakmurkan jiran yang pernah dicadangkannya merupakan usaha yang baik kerana ia memberi manfaat kepada semua pihak.

Tambahnya, Malaysia juga mahu Amerika Syarikat (AS) kaya tetapi bukan sehingga mengorbankan apa yang telah diusahakan atau menjual mata wang negara ini.

Ditanya mengenai pandangan berhubung mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang berakhir semalam, Perdana Menteri berkata, beliau berpuas hati kerana mereka tidak lagi membincangkan isu-isu yang membabitkan soal pembukaan pasaran seperti mesyuarat sebelum ini.

Kata Dr. Mahathir, mesyuarat kali ini selain memperkatakan isu keganasan, turut membincangkan mengenai keperluan menyediakan infrastruktur di kalangan negara-negara anggota.

"Saya telah memberitahu mesyuarat itu mengenai kepentingan melaksanakan projek landasan kereta api dari Singapura ke Kunming di China kerana ia akan membolehkan negara ASEAN meraih banyak manfaat daripadanya," jelasnya.

Pada mesyuarat itu, katanya, Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien turut mempersoalkan sumbangan yang dibuat oleh negaranya kepada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia untuk dipinjamkan kepada negara-negara kurang maju membina infrastruktur tetapi hasilnya tidak kelihatan.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, Malaysia telah mencadangkan kedua-dua badan dunia itu berhenti daripada memberikan bantuan kewangan, sebaliknya mahu IMF atau Bank Dunia melaksanakan projek infrastruktur dengan melantik kontraktor-kontraktor di negara yang terbabit.

"Mengapa beri mereka wang sebaliknya beri mereka kemudahan infrastruktur," katanya sambil menambah melalui cara itu penduduk tempatan akan meraih faedah terus, sama ada dengan perolehan kemudahan prasarana mahupun wang yang dibelanjakan melalui projek yang dikendalikan oleh kontraktor tempatan.

Perdana Menteri memberi contoh Projek Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) telah menyebabkan pertumbuhan banyak pusat kegiatan ekonomi di sepanjang laluan itu.

Dalam pada itu, semasa ditanya hasil pertemuannya dengan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi di Shanghai hari ini, Dr. Mahathir berkata, Koizumi memintanya menjelaskan pendirian Malaysia sebagai sebuah negara Islam berhubung isu pengganasan antarabangsa.

Koizumi juga, jelasnya, ingin tahu mengenai penangkapan beberapa individu yang terbabit dengan kegiatan pengganasan di Malaysia.

"Saya memberikan pandangan kita berhubung isu ini. Saya juga percaya beliau faham mengenai pendirian kita berhubung isu di Afghanistan," katanya.

Katanya lagi, Perdana Menteri Jepun juga telah menyatakan rasa kecewanya kerana belum melakukan lawatan ke Malaysia dan berjanji akan ke Kuala Lumpur secepat mungkin.

Ditanya mengenai masalah ekonomi yang turut melanda Jepun, Dr. Mahathir berkata, beliau percaya negara itu akan berupaya mengatasinya melalui pendekatan yang telah dirancang.

"Kita harap usaha mereka berjaya kerana serangan pengganasan ke atas AS pada 11 September lalu menyebabkan dunia menghadapi masalah ekonomi," jelasnya.

Perdana Menteri memberitahu AS sendiri mengaku serangan pengganasan itu menggugat keyakinan banyak pihak.

Kesan yang nyata kebelakangan ini ialah orang ramai tidak lagi bebas bergerak dengan menggunakan perkhidmatan udara, tambahnya.

Keadaan ini akan memberi kesan kepada industri penerbangan, hotel dan industri perkhidmatan lain termasuk di Malaysia.

Jelasnya, perniagaan dalam sektor pelancongan menyumbang pendapatan sebanyak RM17 bilion di Malaysia tahun lalu dan dengan jumlah pelancong yang semakin berkurangan kebelakangan ini, ia tentu memberi kesan kepada ekonomi negara.

Dalam pada itu Dr. Mahathir berkata, Jepun juga menyatakan minat untuk mengeratkan lagi hubungan dengan Myanmar.

Katanya, Koizumi telah meminta pandangan beliau mengenai perkembangan proses pemulihan demokrasi yang berlaku di Myanmar serta membayangkan negara itu berminat untuk memperkukuhkan lagi hubungan dengan negara itu. — Utusan